

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai jumlah kes yang terlibat dalam siasatan, dakwaan dan sabitan di bawah undang-undang yang mengawal selia kebebasan bersuara, termasuk Akta Hasutan 1948, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu)(No. 2) 2021 menurut seksyen undang-undang yang digunakan dalam tempoh masa antara Mei 2018 hingga Februari 2020 dan Mac 2020 hingga Oktober 2021.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai jumlah kes yang terlibat dalam siasatan, dakwaan dan sabitan di bawah undang-undang yang mengawal selia kebebasan bersuara bagi tempoh Mei 2018 hingga Februari 2020 dan Mac 2020 hingga Oktober 2021 mengikut Akta yang berkaitan adalah seperti berikut:

**Akta Hasutan 1948**

<b>Tempoh</b>	<b>Kes disiasat</b>	<b>Kes didakwa</b>	<b>Kes disabitkan</b>
Mei 2018 hingga Februari 2020	144	15	4
Mac 2020 hingga Oktober 2021	218	31	13

**Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998**

<b>Tempoh</b>	<b>Kes disiasat</b>	<b>Kes didakwa</b>	<b>Kes disabitkan</b>
Mei 2018 hingga Februari 2020	314	21	17
Mac 2020 hingga Oktober 2021	159	1	-

**Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu)(No. 2) 2021**

<b>Tempoh</b>	<b>Kes disiasat</b>	<b>Kes didakwa</b>	<b>Kes disabitkan</b>
Mei 2018 hingga Februari 2020	-	-	-
Mac 2020 hingga Oktober 2021	30	12	5

Sekian, terima kasih.